

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' CHAN FONG HIN  
[ KINABALU ]**

**SOALAN NO. 111**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar aliran sains dan bilangan pelajar aliran sains sosial yang mendapat PNGK 4.0 di peperiksaan Program Asasi UM dan UiTM dari tahun 1990 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun. Nyatakan jumlah pelajar aliran sains dan aliran sains sosial masing – masing.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Malaya hanya menawarkan program asasi bagi aliran sains sahaja yang dikendalikan oleh Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya (PASUM). Setakat ini, dua aliran program asasi ditawarkan di Universiti Malaya iaitu Asasi Sains Hayat dan Asasi Sains Fizikal. Bilangan pelajar yang mendapat PNGK 4.0 dalam peperiksaan asasi sains adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
<b>Aliran</b>			
<b>Sains Fizikal</b>	192	241	302
<b>Sains Hayat</b>	292	269	372

**NO. SOALAN: 111**

Bagi jumlah pelajar asasi sains yang menamatkan pengajian di Universiti Malaya pula adalah seperti berikut:

<b>Aliran \ Tahun</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
<b>Sains Fizikal</b>	442	381	510
<b>Sains Hayat</b>	538	410	575

Manakala itu bagi Universiti Teknologi MARA, di bawah Program Asasi UiTM terdapat dua aliran asasi sains iaitu sains sosial dan sains. Bilangan pelajar yang mendapat PNGK 4.0 dalam peperiksaan asasi sains adalah seperti berikut:

<b>Aliran \ Tahun</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
<b>Sains Sosial</b>	1	0	0
<b>Sains</b>	0	0	0

Lanjutan daripada itu, berikut adalah jumlah pengambilan pelajar asasi aliran sains sosial dan sains yang menamatkan pengajian di Universiti Teknologi MARA seperti berikut:

<b>Aliran \ Tahun</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
<b>Sains Sosial</b>	1394	1248	1519
<b>Sains</b>	2776	2689	2553